

**TEKS UCAPAN  
YBHG. DATUK SERI DR.  
ABDUL FATTAH ABDULLAH  
PRESIDEN ASEAN  
COOPERATIVES  
ORGANISATION (ACO)  
MERANGKAP PRESIDEN**

**ANGKASA**

**MAJLIS PELANCARAN  
PASARAYA DURIAN,  
KOMUNITI DAN  
PROGRAM  
KEUSAHAWANAN –**

**MUSANG  
VALLEY PLANTATION SDN  
BHD**

**23 NOVEMBER 2023  
(KHAMIS)  
7.30 MALAM**

**CRYSTAL CROWN HOTEL  
PETALING JAYA  
SELANGOR**

TERIMA KASIH PENGERUSI  
MAJLIS,  
YANG BERBAHAGIA,

1) ENCİK CALVIN NGAI -  
PENGARAH URUSAN  
MUSANG VALLEY

# PLANTATION

2) ENCİK NELSON NEO –  
CO-FOUNDER MUSANG  
VALLEY PLANTATION

3) TN HJ M. NASIR RAMLI –  
PENGERUSI KOPERASI  
USAHA MAJU KL BHD

4) TN HJ EFFENDEE O.P  
ANDU – PENGARAH NEGERI  
WP SURUHANJAYA

# KOPERASI MALAYSIA

5) DATUK AHMAD ZAINI  
KAMRUZZAMAN –  
PENGARAH URUSAN  
KUMPULAN NSTP



**Dato'-Dato, Datin-Datin,  
Tuan- Tuan, Puan-Puan, dan  
para hadirin yang  
dimuliakan sekalian**

**Assalamualaikum WBT**

# **Salam sejahtera, Salam Malaysia Madani dan Salam Perpaduan**

1. Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya, dapat kita

bersama-sama hari ini untuk  
Majlis Pelancaran Pasaraya  
Durian Digital dan Majlis  
Menandatangani  
Perjanjian Kerjasama  
antara Musang Valley  
Plantation dan Koperasi

Usaha Maju KL Bhd.

2. Pertama sekali, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Musang

Valley Plantation dan KOMAJU di atas satu lagi pencapaian dalam sektor perniagaan agor yang mampu membuka peluang kepada koperasi dan pelabur untuk menjana

pendapatan  
keuntungan  
menyegahut  
transformasi  
digitalisasi.

dan  
selain  
cabaran  
ke arah

3. Saya difahamkan

Musang Valley Plantation merupakan ladang durian pertama di Malaysia yang menggunakan “smart farming techniques”.  
dengan mengubah kaedah pertanian secara

konvensional kepada pertanian pintar, ia adalah suatu pencapaian yang harus diberi perhatian dan diraikan. Pendekatan ini menggabungkan pertanian pintar IOT dalam



ladang durian yang diaplikasikan penggunaana teknologi melalui gabungan pasaran dalam talian, penyelesaian FINTECH dan pelaburan.

4. Digitalisasi dalam bidang kewangan mampu mengoptimumkan pelbagai proses kewangan secara tepat, pantas dan berkesan di mana kita boleh mengelolakan akaun

kita di mana – mana dan  
bila – bila masa.

5. Seperti yang kita semua  
sedia maklum pasaran  
dalam talian adalah  
transaksi perniagaan

secara global tanpa batasan. Platform ini menyediakan ruang digital untuk kedua-dua pihak penjual dan pembeli berurusniaga secara telus dan mengintegrasikan

keuntungan secara terus ke dalam platform.

6. Pasaraya e-durian ini adalah pusat pemasaran produk dan perkhidmatan namun, apa yang lebih

mengujakan, ia adalah platform dalam talian yang akan memfokuskan Business to Customer Trade (b2c).

7. Sebagai badan puncak gerakan koperasi negara,

ANGKASA komited untuk memastikan koperasi meneroka dan mengadaptasi digitalisasi dalam urusan mereka. antara usaha angkasa juga adalah memalui

pewujudan projek Barang Asas 100(BA100).

8. BA100 ini adalah platform dalam talian bagi melengkapikan ekosistem peruncitan koperasi di



mana pembeli, peruncit dan pembekal melakukan transaksi dalam satu sistem. BA100 juga menawarkan harga yang kompetitif kerana pesanan dari semua koperasi dibuat secara

pukal dan ini akan merencanakan lagi aktivitas peruncitan yang dijalankan oleh koperasi.

9. Di pihak ANGKASA, saya melihat pembabitan MVP

dan KOMAJU ini amat bertepatan dengan hasrat kerajaan untuk melihat sektor koperasi meneroka bidang yang berdaya maju dan mampu memberi impak kepada Keluaran

Dalam Negara Kasar (KDNK) negara kita dan mencapai hasrat kerajaan untuk melihat RM100 bilion disumbangkan oleh gerakan koperasi pada 2030.

## **Para Hadirin sekalian,**

10. Kerjasama ini diharapkan akan membantu merealisasikan unjuran sektor koperasi di negara ini untuk

menyumbang kira-kira lima hingga sepuluh peratus KDNK sejajar dengan Pelan Strategik ANGKASA 2050 (PESAN50).

11. Saya yakin dan percaya bahawa, kaedah ini akan membolehkan KOMAJU mengorak langkah dan bergerak lebih maju serta berkesan di dalam semua sektor perniagaan yang

diceburi.

12. Saya juga percaya  
dengan kemampuan  
KOMAJU untuk menjadi  
salah satu pencetus  
pertumbuhan ekonomi



gerakan koperasi menerusi pelaburan dan aktiviti perniagaannya yang saya lihat kini telah melalui transformasi yang sangat hebat dan mengkagumkan.

13. Akhir kata, saya berharap kerjasama ini dapat memberi kebaikan kepada semua pihak dan akan menjadi pemangkin kepada penjangaan ekonomi anggota koperasi

secara khususnya dan kepada semua pihak yang terlibat.

14. Dengan lafaz Bismillahirrahmim saya dengan ini merasmikan

Majlis Pelancaran Pasaraya  
Durian Digital dan Majlis  
Menandatangani  
Perjanjian Kerjasama  
antara Musang Valley  
Plantation dan Koperasi  
Usaha Maju KL Bhd.

Sekian, terima kasih.